

0440

R 8624 DEB
MAHATHIR - INDUSTRI

KUALA LUMPUR, 3 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA HARI INI BAHAWA PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DI NEGARA INI TIDAK BERKEMBANG SEPERTI YANG DIHARAPKAN OLEH KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SIKAP NEGATIF DI KALANGAN PENGUSAHA-PENGUSAHA INDUSTRI KECIL SENDIRI MERUPAKAN ANTARA FAKTOR UTAMA YANG MENYEBABKAN PERTUMBUHAN ITU TIDAK CEKAP.

+MASIH LAGI TERDAPAT SIKAP MENGHARAPKAN BANTUAN YANG BANYAK DARIPADA KERAJAAN OLEH PENGUSAHA-PENGUSAHA INDUSTRI KECIL, ANTARANYA TERMASUKLAH KEMUDAHAN PENGECAALIAN CUKAI DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG BERLEBIHAN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN MENARA BANK PEMBANGUNAN DI SINI.

BELIAU BERKATA, DALAM HAL INI PARA PENGUSAHA INDUSTRI KECIL KEBANYAKANNYA GAGAL MENGAMALKAN CARA PENGURUSAN YANG BAIK SEHINGGA MEREKA TIDAK DAPAT MENGUSAHAKAN PERNIAGAAN DENGAN BERKESAN DAN KERAP KERUGIAN.

+ANGGAPAN BAHAWA PENGETAHUAN MENGURUS TIDAK PERLU DIPELAJARI ADALAH SALAH KERANA PADA ZAMAN MODERN INI PARA PENGURUS PERLU KEPADA LATIHAN DAN PENGALAMAN,+ KATANYA. -- LAGI

0441

R 8625 DEB
MAHATHIR - INDUSTRI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KELEMBAPAN DALAM PERTUMBUHAN INDUSTRI-INDUSTRI KECIL INI HARUS DIKAJI OLEH SEMUA AGENSI AWAM YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS INDUSTRI JENIS ITU.

KERAJAAN BERHARAP AGENSI-AGENSI TERSEBUT TERMASUK BANK PEMBANGUNAN AKAN BERUSAHA MEMUJUKAN HUBUNGAN RAPAT DENGAN AGENSI PENYELIDIKAN SEPERTI INSTITUT PENYELIDIKAN DAN PIAMAIAN MALAYSIA (SIRIM), INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI), INSTITUT PENYELIDIKAN GETAH MALAYSIA (RRI) DAN INSTITUT PENYELIDIKAN MINYAK SAMIT MALAYSIA (PORIM) UNTUK MEMBANTU MENINGKATKAN PIAMAIAN SERTA MEMPERBAIKI REKABENTUK DAN MUTU KELUARAN INDUSTRI KECIL BERKEMAMUAN, KATANYA.

USAHA ITU PENTING BAGI MENINGKATKAN KEUPAYAAN KELUARAN NEGARA BERSAING DI PASARAN ANTARABANGSA, KATANYA.

BELIAU BERKATA INDUSTRI SEPERTI ITU LEBIH SENANG DISERTAI OLEH BUMIPUTERA DAN MENJADI TAPAK PERMULAAN YANG BERMAKNA BAGI BUMIPUTERA MENYERTAI PERINDUSTRIAN YANG LEBIH BESAR.

+DENGAN ITU, KERAJAAN AKAN TERUS MEMBERI GALAKAN KEPADA APA JUA USAHA YANG DAPAT MENINGKATKAN LAGI BILANGAN INDUSTRI KECIL MILIK BUMIPUTERA DI NEGARA INI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI

2224MST 03 08 88

D444

R B627 DEB

MAHATHIR - INDUSTRI 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP BANK PEMBANGUNAN AKAN TERUS BERUSAHA MENINGKATKAN PERANANNYA SEBAGAI AGENSI KREDIT YANG PENTING BAGI INDUSTRI JENIS ITU.

BELIAU BERKATA KERAJAAN GEMBIRA MELIHAT SEMAKIN RAMAI PENIAGA BUMIPUTERA MELIBATKAN DIRI DALAM PERNIAGAAN-PERNIAGAAN KECIL DAN SEDERHANA YANG BERJALAN DENGAN BAIK DAN MENINGKAT MAJU.

KEJAYAAN INI DIHARAPKAN MENJADI CONTOH KEPADA PENGUSAHA BUMIPUTERA LAIN.

BELIAU MENEGASKAN, KEJAYAAN APA JUA PERNIAGAAN TIDAK SEMESTINYA MERUPAKAN PERNIAGAAN YANG BERNILAI BERJUTA-JUTA RINGGIT KERANA WALAUPUN PERNIAGAAN YANG BESAR MEMBERI KEUNTUNGAN BESAR, TETAPI APABILA RUGI, KERUGIANNYA JUGA BESAR.

+ADALAH LEBIH BAIK BERMULA DENGAN PERNIAGAAN KECIL YANG DIURUS DENGAN CEKAP SUPAYA MENCAPAI KEUNTUNGAN DAN KEMUDIANNYA DIBESARKAN MENGIKUT KEMAMPUAN SENDIRI, DARIPADA BERHUTANG DENGAN BANYAK UNTUK MEMBESARKAN PERNIAGAAN,+ KATANYA. -- LAGI

2235MST 03 08 88

D445

R B628 DEB

MAHATHIR - INDUSTRI 4 KUALA LUMPUR

KOS PEMBINAAN MENARA KEMBAR BANK PEMBANGUNAN YANG DIRASHIKAN OLEH PERDANA MENTERI ITU \$60 JUTA TIDAK TERMASUK HARGA TAPAK TANAH SELUAS 0.8 HEKTAR.

IBU PEJABAT BANK ITU DITEMPATKAN DI MENARA UTAMA YANG MEMPUNYAI 29 TINGKAT MANAKALA BLOK KEDUA YANG MENGANDUNGI 20 TINGKAT, DIJUAL KEPADA BANK KEMAJUAN PERUSAHAAN MALAYSIA DENGAN HARGA \$25 JUTA.

PERDANA MENTERI BERHARAP BANGUNAN BANK TERSEBUT AKAN DISELENGGARAKAN DENGAN SEMPURNA SUPAYA DI SAMPING MENARIK PENYEWA, IA JUGA MENJADI LAMBANG KEMEGAHAN KEPADA SEMUA.

KATANYA IBU KOTA MEMPUNYAI BANYAK BANGUNAN PENCAKAR LANGIT YANG CANTIK DAN INDAH, TETAPI MALANGNYA SELEPAS BEBERAPA LAMA, KAWASAN PERSEKITARANNYA TIDAK LAGI DIPELIHARA DENGAN SEMPURNA.

+INI MENDUKACITAKAN KERANA WANG YANG BANYAK TELAH DIBELANJAKAN BAGI MEMBINA BANGUNAN-BANGUNAN BESAR ITU. TIDAK ADA SESUATU YANG BEGITU TIDAK MENARIK SEPERTI BANGUNAN YANG BURUK SEBELUM MASANYA,+ KATANYA. -- BERNAMA

2237MST 03 08 88